

# LAPORAN

## T'AHUNAN

2017



K.E.I.N.D.A.H.A.N  
LATA BULUH



MAJLIS DAERAH SELAMA

# [ Isi Kandungan ]

## 01 Pengenalan

Pengenalan	4
Perutusan Yang Dipertua	6
Kata Aluan Setiausaha	7
Piagam Pelanggan	8
Misi , Visi, Objektif MDS	9
Rasional Logo MDS	10
Maklumat Asas Selama	11
Geografi Selama	12
Pihak Pengurusan	13
Ahli– Ahli Majlis	14

# 02

## Laporan Jabatan

Jabatan Khidmat Pengurusan	15
Unit Rumah Rehat	21
Unit Korporat dan Perhubungan Awam	24
Jabatan Perbendaharaan	34
Unit Undang-Undang dan Penguatkuasaan	37
Jabatan Kesihatan Awam	57
Jabatan Perancang Bandar	71
Jabatan Kejuruteraan	78
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	86
Unit Audit Dalam	103
Unit Pelancongan	106
Unit Teknologi Maklumat	109
Jabatan Kawalan Bangunan	114
Unit Pusat Setempat (OSC)	120
Kawasan Pelancongan MDS	124

# 03

## Pelancongan

# PENGENALAN DAERAH SELAMA



Daerah Selama terletak di utara Negeri Perak, kira-kira 47 kilometer dari Bandar Taiping dan 42 kilometer dari Taman Teknologi Tinggi Kulim di Negeri Kedah. Daerah ini termasuk di dalam lingkungan Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Daerah ini bersempadanan dengan tiga daerah Negeri Perak iaitu :

- Daerah Kerian di barat daya,
- Daerah Larut Matang di selatan dan
- Daerah Hulu Perak di timur.



Bangunan-bangunan lama yang boleh dijadikan tarikan dengan adanya pemuliharaan.

Selain itu, daerah ini turut bersempadanan dengan dua daerah Negeri Kedah iaitu Daerah Bandar Baharu di barat dan Daerah Kulim di utara.

Daerah Selama boleh dihubungkan melalui Jalan Taiping – Selama dari Bukit Merah (Lebuhraya Utara-Selatan), Jalan Bagan Serai - Selama dari Bagan Serai dan Jalan Serdang dari Butterworth. Rujuk **Rajah 1.5.1** untuk lokasi Daerah Selama.



Kawasan RT meliputi seluruh Daerah Selama yang berkeluasan 76,204.70 hektar melibatkan tiga mukim di Daerah Selama iaitu Mukim Selama, Mukim Hulu Ijok dan Mukim Ulu Selama (rujuk **Jadual 1.5.1**).

**Jadual 1.5.1 : Keluasan Mukim-Mukim di Daerah Selama, 2015.**

Mukim	Petempatan Utama / Pekan	Keluasan (hektar)	Peratus (%)
Selama	• Bandar Selama	15,238.77	19.91
	• Pekan Kubu Gajah		
Hulu Ijok	• Pekan Redang Panjang	25,114.11	32.82
Ulu Selama	• Pekan Sungai Bayor	36,167.26	47.27
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>76,500.00</b>	<b>100.00</b>


Nota : Keluasan yang dicatatkan adalah berdasarkan keluasan lama (pewartaan sebelum tahun 2016). Pewartaan baru pada tahun 2016 hanya mewartakan keluasan daerah, tidak melibatkan keluasan mengikut mukim.

Sumber : *Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan, 2016.*




Kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Daerah Selama meliputi kawasan seluas 12,010.00 hektar dengan kawasan operasi seluas 1,595.29 hektar. Taburan kawasan pentadbiran daerah adalah seperti di **Rajah 1.5.2**.

Rajah 1.5.1 : Lokasi Daerah Selama.



Rajah 1.5.2 : Kawasan Pentadbiran dan Kawasan Operasi Majlis Daerah Selama 2015.



# RANCANGAN TEMPATAN DAERAH SELAMA 2030

## PERUTUSAN YANG DIPERTUA



***Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalammulaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.***

*Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Ilahi atas rahmat dan izin-Nya dapat kita bersua kembali dalam Buku Laporan Tahunan Majlis Daerah Selama Tahun 2017.*

*Sesungguhnya kita sebagai warga Majlis Daerah Selama harus berbangga dan bersyukur dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2017. Peranan warga Majlis sebagai pelaksana dasar-dasar kerajaan perlu bertindak sebagai pemudah cara yang cekap dan bijaksana disamping mengamalkan budaya mesra pelanggan dan sentiasa senyum bagi menjaga imej Majlis Daerah Selama.*

*Semoga, semangat kerjasama ni dapat diteruskan demi kepentingan warga Majlis dalam mengharungi hari-hari yang mendatang.*

*Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua lapisan pegawai diatas usaha dan komitmen yang tinggi bagi menyediakan Buku Laporan tahunan Majlis Daerah Selama bagi tahun 2017 ini.*

*Sekian, terima kasih.*

**Tuan Mohd Amzari Bin Mohd Arzami AMP**

Yang Dipertua

Majlis Daerah Selama

**KATA-KATA  
ALUAN SETIAUSAHA**



***Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum w.b.t dan Salam  
Sejahtera.***

*Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran Illahi dan menzahirkan ucapan tahniah kepada seluruh pasukan Majlis Daerah Selama kerana telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan Majlis Daerah Selama tahun 2017 dengan jayanya.*

*Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan, fokus dan agenda utama adalah untuk membangunkan ekonomi dan mensejahterakan persekitaran diseluruh Daerah Selama selaras dengan visi dan misi MDS. Majlis Daerah Selama sentiasa komited dalam mempertingkatkan usaha bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang, berkualiti dan berintegriti agar seluruh warga Selama mendapat kepuasan yang Maksimum apabila berurusan dengan pihak Majlis Daerah Selama.*

*Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada seluruh warga di daerah kecil Selama yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama yang baik kepada Majlis Daerah. Pandangan dan pendapat yang bernas amat berguna untuk kita sama-sama membangunkan Daerah Kecil Selama.*

*Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Maju Jaya.  
Sekian, terima kasih.*

**Encik Mohd Shah Nizam bin Abdul Aziz**

Setiausaha

Majlis Daerah Selama

## [ PIAGAM PELANGGAN ]

- ***Memberi perkhidmatan mengutip sampah setiap hari di kawasan Pekan dan kawasan berhampiran dan tiga kali seminggu di cawangan-cawangan.***
- ***Pembersihan longkang dilakukan setiap hari di kawasan Pekan Selama dan 3 kali setahun di cawangan-cawangan.***
- ***Memproses kelulusan pelan sesebuah bangunan kediaman / perniagaan / kilang yang mematuhi semua kehendak perundangan dalam tempoh satu bulan dengan syarat permohonan disertakan dengan dokumen-dokumen lengkap.***
- ***Menjelaskan semua bil-bil dalam tempoh (7) hari dari tarikh terimaan bil.***
- ***Bil Cukai Taksiran dikeluarkan dan dihantar kepada pembayar cukai tidak lewat daripada 15 hb. Januari dan 15 hb. Julai pada setiap tahun.***
- ***Mengambil tindakan segera mengikut kemampuan Majlis terhadap aduan dari orang ramai tidak lebih dari 14 hari.***



## Visi

***SELAMA KE ARAH BANDAR LESTARI BERASASKAN PERTANIAN MODEN, PERSEKITARAN YANG KONDUSIF, SELAMAT DAN SEJAHTERA MENJELANG TAHUN 2020.***

## Misi

***MELAKSANAKAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN YANG EFISIEN, PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR, SERTA PERSEKITARAN YANG BERKUALITI, SEIMBANG DAN MAMPAN.***

## Objektif

- ***Membangunkan Selama Sebagai kawasan ‘Sub-Urban’ yang akan menyediakan perkhidmatan dan keperluan sokongan kepada perkembangan bandar-bandar utama.***
- ***Menyediakan kawasan-kawasan perumahan yang selesa dan menarik untuk tempat kediaman.***
- ***Menyediakan keperluan dan kemudahan asas/infrastruktur yang kemas bagi menarik pelabur.***
- ***Menggerakkan pertumbuhan ekonomi bagi meningkatkan peluang-peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor bagi mengurangkan kadar kemiskinan.***
- ***Menyediakan kemudahan pengangkutan, utiliti kemudahan sosial dan rekreasi yang baik di samping memastikan persekitaran yang selesa.***
- ***Merancang dan mengawal pembangunan agar kawasan menjadi kemas dan teratur bagi menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi masyarakat.***

## RASIONAL LOGO MDS



Majlis Daerah Selama

Simbol Pada Logo	Penerangan
Bentuk Bulat	Satu Masyarakat
Gelung	Teknologi
Bunga Padi	Rangkaian Keakraban Masyarakat
Lambang Bangunan	Bersatu Padu Pembangunan Kearah Bandar
Lambang Pokok	mampan Pengindahan Bandar Dalam Bandar
Bujur Separuh Putih	Agama Bangsa dan Tanah Air
Warna Kuning	Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
Warna Merah	Berani dan Megah
Warna Hitam	Teguh dan Tegap
Warna Putih	Bersih dan Ceria

# [ MAKLUMAT ASAS SELAMA ]

## KOMPONEN GUNA TANAH

**Jadual 2.3.4 : Komponen Guna Tanah Semasa Daerah Selama, 2015.**

Guna Tanah	Keluasan (hektar)	Peratus (%)
<b>Tepu Bina</b>		
Perumahan	300.96	0.39
Komersial	37.64	0.05
Industri	38.02	0.05
Institusi dan kemudahan masyarakat	186.82	0.25
Tanah Lapang dan Rekreasi	32.45	0.04
Infrastruktur dan utiliti	20.75	0.03
Pengangkutan	840.48	1.10
<b>Jumlah</b>	<b>1,457.12</b>	<b>1.91</b>
<b>Bukan Tepu Bina</b>		
Pertanian	31,367.34	41.16
Tanah kosong	15.08	0.02
Hutan*	41,970.61	55.08
Badan air	1,394.55	1.83
<b>Jumlah</b>	<b>74,747.58</b>	<b>98.09</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>76,204.70</b>	<b>100.00</b>

## MIGRASI PENDUDUK

**Jadual 2.3.2 : Migrasi Penduduk Mengikut Mukim, Daerah Selama, 2000-2010.**

Mukim	Penduduk 2000 (orang)	Pertumbuhan Semulajadi 2010 (orang)	Jumlah Sebenar 2010 (orang)	Jumlah Migrasi Keluar (orang)	Kadar Migrasi Keluar (%)
Selama	11,737	13,580	13,655	75	0.55
Hulu Ijok	11,464	13,553	11,241	(2,312)	(17.06)
Ulu Selama	12,350	14,322	12,630	(1,692)	(11.81)
<b>Jumlah</b>	<b>35,551</b>	<b>41,455</b>	<b>37,526</b>	<b>(3,929)</b>	<b>(9.48)</b>

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Selama 2030.

## [ GEOGRAFI SELAMA ]

Majlis Daerah Selama telah ditubuhkan pada 31.12.79 mengikut gazet Kerajaan Negeri PU.PK. No. 14 bertarikh 24.04.80 pusat pentadbiran bertempat di Bandar Selama dan kawasan Majlis Daerah Selama. Kawasan yang berbukit dan merupakan sebahagiannya adalah hutan simpan. Mempunyai 7 buah pekan kecil dan dikelilingi kawasan pertanian.

Kawasan Majlis Daerah Selama bersempadan dengan daerah berikut:	BIL	DAERAH	NEGERI
	1.	Larut Matang	Perak
	2.	Bandar Baru	Kedah
	3.	Daerah Kerian	Perak
	4.	Daerah Hulu Perak	Perak

BIL	TEMPAT	JARAK DARI SELAMA
1.	Sungai Bayor	16 km
2.	Rantau Panjang	7 km
3.	Simpang Tiga	9 km
4.	Sungai Terap	3 km
5.	Kubu Gajah	7 km
6.	Bagan Baru	24 km
7.	Redang Panjang	30 km
8.	Kampung Masjid	35 km

## PIHAK PENGURUSAN SEHINGGA 31.12.2017



EN. MOHD SHAH NIZAM BIN ABDUL AZIZ  
**SETIAUSAHA**



EN. MOHD AMZARI BIN MOHD ARZAMI  
**YANG DIPERTUA**



**Khidmat Pengurusan**  
PN. NORZAHANI BT ZAINI



**Korporat & Perhubungan Awam**  
EN. BADRUL HISHAM BIN ZAHARI



**Perbendaharaan**  
CIK NOOR SALBIAH BT KHUZDIR



**Perkhidmatan Banda**  
EN. MOHD SYUKRI BIN MOHD NOOR



**Audit Dalam**  
PN. NUR ARIFAH BT. ABDUL AZIZ



**Penilaian & Pengurusan Harta**  
EN. ROFIZLAN B. YUNUS



**Teknologi Maklumat**  
PN. NABILA HUDA BT. NASRUDIN



**Pusat Setempat (OSC)**  
NURUL AZWA BT. ABDUL RAHMAN



**Kawalan Bangunan & Landskap**  
EN. AHMAD NORHIDAYAT B. MARZUKI



**Kejuruteraan**  
EN. MOHAMAD FARIQ B. ABDUL RAZAK



**Undang- Undang & Penguatkuasaan**  
EN. MOHAMAD RAZIF B. ISMAIL



**Perancang Bandar & Desa**  
CIK SITI NURBAYA BT. ABU BAKAR  
\*(Dipinjamkan ke LPHP)

**AHLI - AHLI MAJLIS  
TAHUN 2017**



**EN. MOHD AMZARI BIN MOHD ARZAMI AMP  
YANG DIPERTUA**



**EN. HJ. SAIMI BIN AWANG TEH**



**EN. MOHAMAD SAUFEE B.  
SHAMSUDIN**



**PN. AZIAH BT. EDI**



**EN. AHMAD B. DAHALAN  
PJM, PPA**



**EN. AHMAD ZANIAN B. MD. SHUHOR.  
PKT, PJK, PJM, JC**



**EN. NG CHONG LIM  
AMN, PPT**



**EN. YONG JAW KENG**



**EN. CHOO WENG CHOON  
AMP, PJK**



**EN. CHUA SOO SEONG  
PPT**



**EN. MD SIDEK B. OSMAN**



**ENCIK OOI TEIK KIANG  
PPT**



**PN. JAMALIAH BT. YAHAYA  
PJK**



**ENCIK KONG CHIN TAU  
PJK**



**EN. ABDUL AZIZ B. JAMAL.  
PJK**

# **JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**



## JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



### OBJEKTIF

Menyediakan Perkhidmatan Pengurusan Pentadbiran dan Personalia yang berkualiti dan efisien mengikut undang-undang dan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan bagi memenuhi kehendak pelanggan.

### BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

#### FUNGSI

##### Pengurusan Sumber Manusia

- Menguruskan pengambilan dan perlantikan kakitangan.
- Menguruskan / merancang latihan dan kursus bagi kakitangan.
- Menguruskan peperiksaan jabatan bagi kakitangan.
- Menguruskan kakitangan yang layak menerima elaun/ kemudahan bagi kakitangan yang layak.
- Menyediakan penyata pelarasan gaji kakitangan. Menyediakan Pengesahan ke dalam jawatan kakitangan.
- Menyediakan kertas-kertas bagi kemasukan ke dalam berpencen kakitangan .
- Menyediakan kertas-kertas persaraan kakitangan.



## UNIT PERKHIDMATAN

### ⇒ **Menguruskan Sistem HRMIS**

- ◆ Mendaftar data perjawatan melalui kaedah OD (*Organizational Development*) (Pembangunan Organisasi)
- ◆ Mewujudkan jawatan baru bagi agensi / jabatan melalui kaedah ED (Establishment Data) (Data Perjawatan)
- ◆ Mengemaskini sandangan bagi Pemilik Kompetensi (CO) lantikan baru / pertukaran.
- ◆ Mengemaskini Data Perjawatan
- ◆ Memantau pengemaskinian rekod peribadi HRMIS Jabatan.
- ◆ Memantau pengemaskinian Profil Perkhidmatan Jabatan.
- ◆ Perluasan Pelaksanaan Modul / Sub-modul HRMIS.

### ⇒ **Menyelenggara permohonan dan rekod cuti kakitangan.**

### ⇒ **Menyelia pengisytiharan harta anggota Majlis.**

### ⇒ **Urusetia Sasaran Kerja Tahunan dan Laporan Nilain Prestasi tahunan kakitangan .**

- ◆ Menyelesaikan masalah / aduan HRMIS.
- ◆ Menyediakan maklum balas mesyuarat-mesyuarat HRMIS Negeri Perak dan isu-isu HRMIS yang dibangkitkan dalam mesyuarat-mesyuarat lain.
- ◆ Menyediakan Electronic Guarantee Letter (EGL)
- Menguruskan kursus dan latihan untuk kakitangan.
- Mengendali penggunaan telefon pejabat

## BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN URUSETIA

### FUNGSI

- ◆ Bertanggungjawab mengawal selia dan mengendalikan urusan pentadbiran am serta urusetia bagi semua aktiviti rasmi Majlis Daerah Selama.
- ◆ Menguruskan mesyuarat penuh pengurusan, urusetia mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Majlis Daerah Selama dan penyediaan minit mesyuarat.
- ◆ Menguruskan tempahan Dewan/ Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Selama.
- ◆ Mengurus dan memastikan keselamatan pejabat.
- ◆ Menguruskan kebersihan pejabat dan kawasan.
- ◆ Menguruskan lawatan sambil belajar bagi ahli-ahli Majlis Daerah Selama.
- ◆ Sebagai urusetia tindakan tatatertib Majlis Daerah Selama.
- ◆ Menguruskan Majlis mengangkat Sumpah Ahli-Ahli Majlis.
- ◆ Menguruskan kemasukan pelajar praktikal
- ◆ Menguruskan surat-surat harian Majlis.
- ◆ Menguruskan mengepos surat-surat Majlis.
- ◆ Menguruskan perjalanan mesin Fax Majlis.
- ◆ Mengawal dan memastikan penggunaan mesin Photostat
- ◆ Menguruskan penghantaran notis-notis.

## LAPORAN MESYUARAT YANG DI PANTAU BAGI TAHUN 2017

PELAKSANAAN MESYUARAT MAJLIS DAERAH SELAMA TAHUN 2017															
IL.	PROGRAM	TEMPAT	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	KEKERAPAN
1	Mesyuarat Penuh	Dewan Mesyuarat MDS, Aras Dua	25	16	31	26	24	21	26	23	21	25	29	20	12/12
2	Mesyuarat Pengurusan	*	18	-	18/22	25	18	14	27	6	27	25	29	20	12/12
3	Mesyuarat OSC	*	25	22	29	26	24	21	26	23	27	25	29	20	12/12
4	Mesyuarat MBI	*	18/2/2017			18/5/2017			13/9/2017			21/12/2017			4/12
5	Mesyuarat JITU	*	9/3/2017			22/6/2017			12/12/2017						3/12
6	Mesyuarat JPAK	*	23/1/2017			27/4/2017			7/8/2017			20/10/2017			4/12
7	Mesyuarat JPKA	*	23/1/2017			27/4/2017			7/8/2017			20/10/2017			4/12
8	Perhimpunan Bulanan	Rumah Rehat Selama	27/2/2017			26/4/2017			24/8/2017						3/12

## URUSETIA SUKAN PBT 2017



## SENARAI PERJAWATAN

BIL	TAJUK	GRED GAJI	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	CATATAN
1.	Yang Dipertua	M48	1	0	1	(KPPD)
2.	Setiausaha Pegawai Tadbir	N41/N44	1	1	0	
3.	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Penolong Jurutera	JA29/30/JA36	3	2	1	
4.	Pelukis Pelan (Seni Bina)/ Penolong Pegawai Seni Bina	JA29/30/JA36	1	1	0	
5.	Pen. Peg. Perancang Bandar Dan Desa	JA29/JA36	1	1	0	(Dipinjamkan ke LPHP)
6.	Penolong Pegawai Tadbir	N29/N32	2	2	0	
7.	Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran	U29/U32	1	1	0	
		W29/W32	2	2	0	
8.	Penolong Akauntan					
9.	Penolong Pegawai Penilaian	W29/W32	1	1	0	
10.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22/N26	1	1	0	
11.	Pembantu Penguatkuasa	KP19/KP22	2	2	0	
12.	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	12	12	0	
13.	Pembantu Akauntan	W19/W22	1	1	0	
14.	Pembantu Penilaian	W19/W22	2	1	1	
15.	Pemandu Kenderaan	H11/H14	5	5	0	
16.	Pembantu Awam	H11/H14	43	41	2	
17.	Pembantu Operasi	N11/N14	2	2	0	
18.	Penghantar Notis	N11/N14	1	1	0	
	<b>Jumlah</b>		<b>82</b>	<b>77</b>	<b>5</b>	
1.	Catatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J41	1			(Ditempatkan di MDS dari KPKT)
	<b>Jumlah</b>		<b>1</b>			

## UNIT RUMAH REHAT



### Objektif

Menyediakan perkhidmatan dan penginapan yang terbaik di Selama.

### Piagam Pelanggan

- Memberi layanan yang mesra dan berhemah kepada pelanggan melalui kaunter atau panggilan telefon.
- Memberi perkhidmatan yang cepat dan cemerlang demi kepuasan pelanggan.
- Menjaga kualiti dan kebersihan bilik sebelum diberi kepada pelanggan.

PROGRAM—PROGRAM DI SELAMA INN



## KEMUDAHAN- KEMUDAHAN DI SELAMA INN

**BILIK VIP 305 1 UNIT**  
BERMUTUAKAN BERKUALITI / BERKUALITI BERKUALITI



**BILIK CHALET 4 UNIT**  
BERMUTUAKAN BERKUALITI / BERKUALITI BERKUALITI




**BILIK BIASA 18 UNIT**  
BERMUTUAKAN BERKUALITI / BERKUALITI BERKUALITI





**KIOS SELAMA INN**








**DEWAN UTAMA**  
3 JAM RM100.00 / 4 JAM RM200.00 / 12 JAM RM400.00





**RUANG TERBUKA**  
2 JAM RM100.00 / 4 JAM RM200.00 / 12 JAM RM400.00




**KEADAAN SELAMA INN SEBELUM DAN SELEPAS**

SEBELUM	SELEPAS
	
	
	

**KEADAAN SELAMA INN SEBELUM DAN SELEPAS**

**UNIT**  
**KORPORAT &**  
**PERHUBUNGAN AWAM**





## UNIT KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM



### FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

- Menguruskan tempahan padang Majlis.
- Menguruskan tempahan sewa dewan dan peralatan majlis.
- Menguruskan tempahan sewa kenderaan majlis.
- Menerima aduan orang ramai melalui:
  - 1) Datang sendiri
  - 2) Telefon
  - 3) Surat
  - 4) SMS
  - 5) Email
  - 6) Laman Web
  - 7) Sistem e-aduanDan lain-lain

## Objektif

Memastikan segala aduan diambil tindakan, mengadakan program Townhall 2 kali setahun, mengadakan Plan Transformasi PBT, memastikan tempahan padang, dewan dan peralatan berjalan dengan lancar.

## MATLAMAT

- Memastikan pengurusan aduan Majlis Daerah Selama diambil tindakan dengan sewajarnya.
- Mengadakan Program Townhall sekurang-kurangnya 2 kali setahun.
- Mengadakan Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan sekurang-kurangnya 2 kali setahun.
- Membantu pihak KPKT dalam Urusan Perlantikan dan Program-program jawatan kuasa Perwakilan penduduk.
- Mengadakan Program Majlis Masyarakat Sivil 4 kali atau lebih setahun.
- Mewakili Majlis Daerah Selama dalam Mesyuarat-Mesyuarat Program Daerah.
- Menguruskan Kelulusan Tempahan Dewan Majlis Daerah Selama.
- Menguruskan Sewaan dan Tempahan Padang-padang Majlis Daerah Selama.
- Menguruskan Sewaan dan Tempahan peralatan Majlis.
- Urusetia media dan korporat Majlis.
- Memastikan perjalanan Surat menyurat berjalan lancar walaupun semasa ketiadaan S/U dan YDP.

**LAPORAN SEWA PADANG DAN DEWAN BAGI TAHUN 2017**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>BIL PERMOHONAN</b>
	Sewa Dewan	73
<b>1</b>		
	Sewa Padang	137
<b>2</b>		
	Sewa Peralatan	89
<b>3</b>		
	<b>JUMLAH</b>	<b>299</b>

## JUMLAH KESELURUHAN ADUAN PADA TAHUN 2017

BI L	KATEGORI ADUAN	KESELURUHAN	SELESAI	BELUM
1.	Kelewatan/Tiada Tindakan	-	-	-
2.	Tindakan Tidak Adil	-	-	-
3.	Kekurangan Kemudahan Awam	2	2	-
4.	Kepincangan Dasar dan Kelemahan Undang-Undang	-	-	-
5.	Salah Guna Kuasa/ Penyelewengan	-	-	-
6.	Salah Laku Anggota Awam	-	-	-
7.	Kegagalan mengikut prosedur yang ditetapkan	-	-	-
8.	Kegagalan Penguatkuasa	9	9	-
9.	Kualiti perkhidmatan yang tidak Memuaskan	50	50	-
10.	Pelbagai Aduan	7	7	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>68</b>		

## GAMBAR AKTIVITI TAHUNAN 2017

### Pertandingan Masjid dan Rumah Ibadat Bersih dan Ceria Kategori Masjid

Program ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran masjid /rumah ibadat yang bersih dan indah dalam kawasan Daerah Kecil Selama. Selain itu matlamat penganjuran pertandingan ini adalah untuk menggalakkan masyarakat bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan persekitaran dalam dan luar masjid/ rumah ibadat di samping dapat menceriakan kawasan berkaitan. Hasil daripada program ini beberapa masjid dan rumah ibadat telah dipilih sebagai pemenang. Berikut merupakan senarai pemenang pertandingan tersebut.

BIL	NAMA PEMENANG	KATEGORI	TEMPAT	JUMLAH
1	Masjid Al-Ehsaniah Bagan Baru	Masjid	Pertama	RM 500.00
2.	Masjid Al-Aziziah Sungai Bayur	Masjid	Kedua	RM 300.00
3	Masjid Al- Idrisiah Bukit Bertam	Masjid	Ketiga	RM 200.00
1	Tokong Cina Hock Teik Chee	Tokong	Pertama	RM 500.00
2	Tokong Cina Hock Teik Sou	Tokong	Kedua	RM 300.00
3	Tokong Cina Kuan Yin	Tokong	Ketiga	RM 200.00
1	Kuil Sri Subramaniam Devalaya Saba	Kuil	Pertama	RM 500.00
2	Kuil Sri Maha Veera Kaliamman	Kuil	Kedua	RM 300.00
3	Kuil Sri Muniswarar	Kuil	Ketiga	RM200.00



## Program Sehari Bersama OKU

Pada 15 Oktober 2017 telah diadakan Program Sehari Bersama Orang Kurang Upaya (OKU) dengan kerjasama Majlis Masyarakat Sivill dengan PDK Nur Gemilang Selama. Objektif program ini adalah untuk menggalakkan sikap prihatin, berdikari dan rasa tanggungjawab masyarakat tempatan dalam program pemulihan orang kurang upaya (OKU) serta mengambil kira sumber ekonomi Negara dan membolehkannya untuk diperluaskan perkhidmatan yang menyeluruh mengikut keperluan OKU. Aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini berlangsung adalah Forum yang bertajuk ‘ Namun Ku Punya Hati’ panel yang terlibat adalah KPT.(B) Dato; Najmudin Bin Haji Elias (penceramah bebas) dan Dr Abdul Rahim Bin Abdul Razak (Klinik Kesihatan Selama). Forum ini dimoderatorakan oleh Ustaz Mohd Asraf Bin Zulkifli.



## Program Generasi Cemerlang Selama Gemilang 2017 bersama MMS

Program ini dianjurkan adalah untuk meningkatkan keselamatan kawasan sekitar bebas daripada jenayah dadah. Diadakan pada 31 Oktober 2017 (Selasa) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (IPD Selama), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Pejabat Pendidikan Daerah Larut Matang dan Selama. Sasaran peserta terdiri daripada Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), Penghulu Mukim, Kawasan Rukun Tertangga, Jawatankuasa Kampung (JKK), Pemimpin belia tempatan dan pelajar sekolah yang bermasalah.



## Program Townhall

Program ini dijalankan dua kali dalam setahun yang diadakan di Dewan Sungai Bayor pada 9 Mei 2017 dan di Dewan Permai 2 pada 13 Disember 2017 dengan mensasarkan pihak-pihak yang berkepentingan / *stakeholders* dengan Majlis Daerah Selama. Program berjalan dengan lancar dan dikehadiran agak memuaskan. Ahli- Ahli Majlis MDS turut hadir bagi membantu.

Sesi townhall bersama penduduk Ulu Selama di Dewan Sg. Bayor.



Sesi townhall bersama penyewa- penyewa gerai MDS di Dewan Permai 2



## Program Kitar Semula "FIKIR DAHULU SEBELUM BUANG"

Program ini adalah program kerjasama dengan Syarikat kitar semula I Cycle Global.Com yang merupakan penceramah rakan kerjasama strategik. Terdapat beberapa lokasi tong sampah kitar semula dari Syarikat I Cycle Global.com iaitu di Selama Inn, Stesen Bas selama, Stesen Minyak *Caltex* dan Masjid Daerah Selama. Orang awam yang membuang bahan kitar semula di tong tersebut akan mendapat mata ganjaran dan boleh menebus hadiah mengikut mata ganjaran yang dikumpul. Majlis dirasmikan oleh Yang Berbahagia, Dato. Hj. Faizul Arby B. Mohd Shohor, Setiausaha Politik kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.



## Program Transformasi Pemikiran NGO

Program ini diadakan adalah untuk memperkasakan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terdapat di Daerah Selama supaya dapat memainkan peranan yang penting sebagai pengantara di antara masyarakat dengan Kerajaan Negeri Perak kearah pencapaian Gagasan Perak Aman Jaya selari dengan Objektif Pelan Tindakan Strategik Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) 2016-2020. Program ini diadakan secara santai dengan diadakan lawatan di semua tempat pelancongan di daerah Selama khususnya di kawasan Ijok seperti Seni Pembuatan Keris, Gua Kelawar, Sungai Atas Sungai, Telaga Gergasi dan seterusnya di Lata Panggung.





## Program Gotong-royong Pemasangan Papan Tanda Kebersihan Lata Tebing Tinggi

Objektif program gotong-royong pemasangan papan tanda kebersihan Lata Tebing Tinggi ialah memupuk orang ramai dalam kepentingan menjaga kebersihan. Oleh yang demikian papan tanda kebersihan disediakan untuk mengingatkan kepada pengunjung supaya menjaga kebersihan dengan membuang sampah di tempat yang telah disediakan. Perasmian program telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Selama, Tuan Mohd Amzari Bin Mohd Arzami *AMP*. Antara peserta yang terlibat dengan program ini ialah Ahli-Ahli Majlis, NGO Majlis Masyarakat Sivil, dan penduduk Kampung Tebing Tinggi.



# **JABATAN PERBENDAHARAAN**



## JABATAN PERBENDAHARAAN



### FUNGSI & AKTIVITI

#### PENGURUSAN PERAKAUNAN

- Penyelenggaraan sistem perakaunan Majlis.
- Penyediaan Penyata Kewangan Majlis.
- Penyediaan Belanjawan Majlis.

#### PENGURUSAN KUTIPAN HASIL MAJLIS

- Menguruskan kutipan hasil Majlis.
- Penyelenggaraan sistem-sistem kutipan.
- Penyediaan Penyata laporan Bulanan dan Tahunan.
- Penyediaan Penyata laporan Tahunan.

#### PENGURUSAN PEMBAYARAN

- Pembayaran gaji elaun, potongan dan caruman untuk anggota.
- Pembayaran elaun tetap Ahli Majlis dan elaun hadir mesyuarat setiap bulan.
- Pembayaran tuntutan perbatuan dan elaun lebih masa kakitangan.
- Pengeluaran Pesanan tempatan dan penyediaan semua jenis baucer bayaran.
- Penyelenggaraan semua rekod-rekod kewangan.

**PENCAPAIAN SEBENAR PENDAPATAN 2016-2017**

BIL	PERKARA	TAHUN	
		2016 (RM)	2017 (RM)
	<b>HASIL CUKAI</b>	713,230.00	724,497.00
	HASIL BUKAN CUKAI	1,200,277.00	1,227,113.00
	<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	2,731,948.00	3,198,712.00
	<b>JUMLAH BESAR PENDAPATAN</b>	<b>4,645,455.00</b>	<b>5,150,322.00</b>

**PENCAPAIAN SEBENAR PERBELANJAAN 2016-2017**

BIL	PERKARA	TAHUN	
		2016 (RM)	2017 (RM)
	<b>EMOLUMEN</b>	2,856,965.00	3,044,644.00
	PERKHIDMATAN	894,340.00	1,027,373.00
	<b>ASET</b>	42,990.00	54,015.00
	PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP	20,588.00	51,131.00
	<b>PERBELANJAAN LAIN</b>	793,819.00	843,608.00
	<b>JUMLAH BESAR PERBELANJAAN</b>	<b>4,608,702.00</b>	<b>5,020,771.00</b>

**UNIT**  
**UNDANG-UNDANG**  
**& PENGUATKUASAAN**



## UNIT UNDANG – UNDANG & PENGUATKUASAAN



Pengelasan skop kerja Unit Undang-Undang adalah seperti di bawah;

- **Unit Penguatkuasaan**
- **Unit Integriti**
- Unit Penguatkuasaan Majlis Daerah Selama (MDS) telah diletakkan dibawah Unit Undang-Undang berkuatkuasa 01 April 2016 untuk memastikan tindakan pencegahan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah mematuhi lunas Undang-Undang yang dikuatkuasakan oleh Majlis.
- Unit ini secara amnya bertanggungjawab dalam urusan perancangan, pemantauan dan pelaksanaan aktiviti pencegahan dan penguatkuasaan di Majlis Daerah Selama (MDS).
- Bagi memastikan tindakan pencegahan dan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan, unit undang-undang melalui kelulusan mesyuarat penuh bil 6 tahun 2016 bertarikh 21 Jun 2016 telah menubuhkan Pasukan Penguatkuasaan Majlis Daerah Selama Selama (MDS) melalui kerjasama antara jabatan dalaman MDS.

## UNIT INTEGRITI

### PENGENALAN

- Unit Integriti di agensi awam ditubuhkan berikutan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013.
- Unit ini dipangku di bawah unit undang-undang berkuatkuasa 01 Ogos 2016 untuk Memastikan langkah-langkah pemantauan dan pelaksanaan dilaksanakan mengikut peraturan, kaedah dan perintah yang dikuatkuasa oleh Majlis Daerah Selama (MDS).
- Bertanggungjawab untuk merancang, memantau dan melaksanakan program-program Integriti berdasarkan Pelan Integriti Majlis Daerah Selama 2016 – 2020.
- Objektif penubuhan Unit Integriti adalah bagi menyepadukan semua pengurusan hal-hal berkaitan integriti di bawah satu unit khusus supaya dapat dilaksanakan secara fokus dan terancang.

### OBJEKTIF

- |   |   |
|---|---|
| <p>I. Mewujudkan golongan masyarakat yang benar-benar mengetahui, memahami, mematuhi dan menghargai Undang-Undang Majlis.</p> | <p>IV. Memberi kefahaman Undang-Undang kepada warga kerja Majlis supaya tindakan diambil dalam bidang kuasa Undang-Undang yang digunakan.</p> |
| <p>II. Menyediakan secukupnya undang-undang dan peraturan untuk kegunaan Majlis dan penduduk.</p>                             | <p>V. Memastikan kepentingan Majlis sentiasa diutamakan dalam setiap transaksi perjanjian dengan pihak kedua.</p>                             |
| <p>III. Memberi nasihat kepada Majlis dalam memastikan keputusan yang diambil berlandaskan Undang-Undang yang digunakan.</p>  | <p>VI. Menyediakan bahan-bahan bacaan dan rujukan Undang-Undang yang mencukupi untuk kegunaan Majlis.</p>                                     |
|   | <p>VII. Memastikan semua tindakan Majlis tidak 'UltraVires' dengan sebarang Undang-Undang.</p>  |

## FUNGSI UTAMA

**Berikut adalah fungsi-fungsi utama unit undang-undang:**

- I. Perundangan
- II. Pendakwaan
- III. Penguatkuasaan
- IV. Integriti

## FUNGSI PERUNDANGAN

- Memberikan nasihat perundangan kepada jabatan.
- Menggubal dan meminda Undang-Undang Kecil, perintah, peraturan dan kaedah kaedah yang berkuatkuasa.
- Menyelenggara dan mengemaskini maklumat undang-undang termasuk rujukan undang-undang serta jurnal-jurnal perundangan.
- Penyelidikan dan pembangunan (R&D) kes-kes perundangan.
- Membuat kajian terhadap kes-kes yang berkaitan dengan Majlis Daerah Selama.
- Menyediakan perjanjian bagi pihak Majlis Daerah Selama.
- Menyemak dan menguruskan dokumen kontrak dan perjanjian.
- Menggubal notis-notis dan peraturan-peraturan berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang.



## FUNGSI PENGUATKUASAAN

- 1 Memantau aktiviti kumpulan penguatkuasaan pasukan penguatkuasaan Majlis Daerah Selama (MDS).
- 2 Mengatur aktiviti penguatkuasaan bagi Kumpulan 4 – Haiwan Merayau dan Anjing Liar Pasukan Penguatkuasaan MDS .
- 3 Memastikan notis peringatan kompaun dikeluarkan kepada Orang Kena Kompaun (OKK) setelah tamat tempoh pemabayaran kompaun.
- 4 Melakukan operasi rondaan berjadual di kawasan operasi Majlis.
- 5 Melakukan tindakan rampasan dan sitaan.
- 6 Memastikan tindakan penguatkuasaan yang dipohon oleh jabatan dalaman MDS dan agensi-agens kerajaan dapat dilaksanakan
- 7 Menerima dan menyiasat aduan awam dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas aduan yang berasas.
- 8 Menjalankan penguatkuasaan melalui pengeluaran kompaun, notis dan sitaan dengan tegas dan adil mengikut peruntukan Undang– Undang yang berkuatkuasa di Majlis Daerah Selama.
- 9 Memastikan semua peniaga-peniaga pengusaha-pengusaha, kilang dan pemaju-pemaju mematuhi semua peraturan-peraturan dan kehendak-kehendak perundangan.

## FUNGSI PENDAKWAAN

- 1 Menjalankan pendakwaan di mahkamah dan perbincangan dengan saksi-saksi
- 2 Menguruskan penyempurnaan waran tangkap sehingga Orang Kena Saman (OKS) dikemukakan ke mahkamah dan semakan semula kes-kes untuk pertuduhan semula.
- 3 Menguruskan dokumentasi bagi penyediaan kes mahkamah
- 4 Mengadakan perbincangan dengan panel peguam
- 5 Menyelia dan menyelaras kes-kes sivil yang melibatkan Majlis

## FUNGSI INTEGRITI

### a) Tadbir Urus

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan;

### b) Pengukuhan Integriti

Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;

### c) Pengesanan dan Pengesahan

- Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran
- Tata kelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
- Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;

### d) Pengurusan Aduan

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;

### e) Pematuhan

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan

### f) Tatatertib

Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

## Piagam Pelanggan

- I. Memberikan nasihat dan maklumat perundangan kepada jabatan-jabatan di Majlis Daerah Selama dalam tempoh empat belas (14) Hari bekerja dari tarikh permohonan.
- II. Menyelia dan menggubal dokumen-dokumen yang berkaitan dengan undang-Undang seperti perjanjian dan kontrak dalam tempoh empat belas (14) Hari Bekerja daripada tarikh permohonan.
- III. Menyemak dokumen perjanjian diantara pihak Majlis dengan pihak luar dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja daripada tarikh permohonan.
- IV. Memastikan aduan awam yang diterima disiasat dan diberi maklum balas dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh aduan awam diterima.
- V. Memastikan Notis Peringatan Pembayaran Kompaun dikeluarkan kepada Orang Kena Kompaun (OKK) dalam tempoh empat belas (14) hari setelah tamat tempoh pembayaran kompaun.

## LAPORAN PELAN TINDAKAN UNIT UNDANG-UNDANG

PROGRAM / AKTIVITI	PELAN TINDAKAN	SASARAN KERJA	PENCAPAIAN SEBENAR	PENCAPAIAN (%)	ULASAN 2017	
Pengurusan Pentadbiran Perundangan MDS	1	Memberi nasihat/ulasan/pandangan keatas notis perundangan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja kepada Jabatan dalaman dan luar MDS	Menyediakan ulasan/nasihat/pandangan perundangan mengikut tempoh yang ditetapkan	100	100	JUMLAH KESELURUHAN ULASAN/NASIHAT/PANDANGAN PERUNDANGAN = 2 JUMLAH ULASAN/NASIHAT/PANDANGAN PERUNDANGAN YANG DIKELUARKAN DALAM TEMPOH 14 HARI = 2
	2	Penyediaan dokumen perjanjian diantara pihak majlis dengan pihak luar dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja	Menyediakan dokumen perjanjian diantara pihak Majlis dengan pihak luar dalam tempoh yang ditetapkan	100	100	JUMLAH KESELURUHAN PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN = 2 JUMLAH SEMAKAN DOKUMEN PERJANJIAN YANG DIKELUARKAN DALAM TEMPOH 14 HARI = 2
	3	Menyemak dokumen perjanjian diantara pihak Majlis dengan pihak luar dan diberi maklumbalas dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja	Menyemak dokumen perjanjian dan diberi maklumbalas dalam tempoh yang ditetapkan	100	100	JUMLAH KESELURUHAN SEMAKAN PERJANJIAN = 2 JUMLAH SEMAKAN PERJANJIAN YANG DIKELUARKAN DALAM TEMPOH 14 HARI = 2
	4	Memastikan aduan awam yang diterima diberi maklumbalas dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh aduan diterima	Aduan awam yang diterima diberi maklumbalas dalam tempoh yang dinyatakan	85.71	85.71	JUMLAH KESELURUHAN ADUAN PELANGGAN : 14 JUMLAH ADUAN YANG DIBERI MAKLUMBALAS DALAM TEMPOH 14 HARI = 12 *1 ADUAN SETELAH SEMAKAN DIBUAT TIADA DALAM SISTEM E-PBT DAN DIBAWAH TANGGUNGJAWAB JABATAN DALAMAN YANG LAIN *1 ADUAN SETELAH SEMAKAN DIBUAT TIADA DALAM SISTEM E-PBT DAN DI BAWAH TANGGUNGJAWAB JABATAN LUAR
Pengurusan Pengukuasaan Undang-Undang dibawah akta 171, 172, 133 dan Undang-Undang kecil mos	1	Menerima dan menyiasat aduan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja	Memastikan aduan awam di atas ditasat dalam tempoh yang ditetapkan	85.71	85.71	JUMLAH KESELURUHAN ADUAN PELANGGAN : 14 JUMLAH ADUAN YANG DISIASAT DALAM TEMPOH 14 HARI = 12 *1 ADUAN SETELAH SEMAKAN DIBUAT TIADA DALAM SISTEM E-PBT DAN DIBAWAH TANGGUNGJAWAB JABATAN DALAMAN YANG LAIN *1 ADUAN SETELAH SEMAKAN DIBUAT TIADA DALAM SISTEM E-PBT DAN DI BAWAH TANGGUNGJAWAB JABATAN LUAR
	2	Operasi haluan merayau dan anjing liar	1 kali setahun	166.67	166.67	OPERASI PENGUKUASAAN HALUAN MERAYAU DAN ANJING LIAR TELAH DILAKSANAKAN SEBANYAK 10 KALI BAGI HALUAN 2017 MELEBIHI SASARAN YANG TELAH DITETAPKAN IAITU SEBANYAK 6 KALI
	3	Memastikan bantuan penguatkuasaan yang dipohon oleh jabatan dalaman dan luar dapat dilaksanakan	Bantuan penguatkuasaan dijalankan mengikut permohonan jabatan dalaman dan luar	100	100	JABATAN DALAMAN MDS : UNIT SEWAAN - 4 KALI UNIT PENILAIAN - 6 KALI UNIT LEBAN - 6 KALI JABATAN LUAR - 4 KALI
	4	Tindakan Tawaran Kompaun di kawasan Majlis	30 tawaran kompaun	135.71	135.71	JUMLAH TAWARAN KOMPAUN DIKELUARKAN = 95 (MELEBIHI SASARAN YANG DITETAPKAN)
	5	Tindakan Rampasan dan sitaan	Dijalankan mengikut keperluan	100	100	KESELURUHAN 30 EKOR HAIWAN TELAH DIRAMPAS
	6	Operasi pemantauan secara Rondaan cebagai kaedah pencegahan	500 rondaan	67.67	67.67	KESELURUHAN 203 RONDAAN TELAH DILAKSANAKAN (SASARAN TIDAK TERCAPAI) ATAS SEBAB-SEBAB BERIKUT; KURSUS, SUNGAN PBT DAN AKTIVITI-AKTIVITI MAJLIS YANG LAIN
	7	Memastikan Notis peringatan Pembayaran Kompaun dikeluarkan kepada Orang Kena Kompaun (OKK) setelah tamat tempoh tiga puluh (30) hari pembayaran kompaun	Semua notis dikeluarkan kepada OKK setelah tamat tempoh yang ditetapkan	100	100	132 NOTIS TELAH DIKELUARKAN SETELAH TAMAT TEMPOH NOTIS
PENGURUSAN UNIT INTENSITI MAJLIS DAERAH SELAMA	1	Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbirurus (JITU) Majlis Daerah Selama	Tiga kali setahun	100	100	MESYUARAT ITU TELAH DADAKAN PADA TARIKH-TARIKH BERIKUT 1. M. ITU 1/2017 - 09/03/2017 2. M. ITU 2/2017 - 22/06/2017 3. M. ITU 3/2017 - 21/12/2017
	2	Mengadakan program berlesen integriti kepada kakitangan MDS	Sekali setahun	100	100	TELAH MENYADAKAN 100% IKRAN BEBAS RASUAH (IBR) BERSAMA 3PRN NEGERI PERAK PADA 30/10/2017 (RBNB)
	3	Menguruskan kes-kes salah laku dan sebagainya kakitangan Majlis Daerah Selama (MDS) melalui Lembaga Penguatkuasaan	Berangsur pada aduan diterima	100	100	JUMLAH ADUAN DITERIMA SETAKAT 11 DISEMBER 2017 = 2 JUMLAH ADUAN YANG TELAH DISELESAKAN = 1 *1 RES TERBARU TELAH DITERIMA PADA 06/12/2017
PENGUBAHAN PRODUK INOVASI MDS	1	Mengadakan pertandingan Inovasi Dalaman MDS	Sekali setahun	100	100	PERTANDINGAN INOVASI DALAMAN MDS TELAH BERJAYA DIANUNJUKAN PADA 19/01/2017
	2	Mengadakan lawatan kerja Inovasi ke agensi-agensi bersejar terpilih	Sekali setahun	100	100	LAWATAN KERJA BERKAITAN INOVASI KE MAJLIS DAERAH KAMPAR TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN PADA 07 FEBRUARI 2017
	3	Mengatur penyertaan kumpulan inovasi MDS dalam pertandingan inovasi yang terpilih	Sekali setahun	200	200	TELAH MENYERTAI : 1) ANUGERAH INOVASI PHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPET) 2017 2) ANUGERAH INOVASI PHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK 2017
	4	Mengadakan Mesyuarat/Pembincangan Jawatankuasa Pemandu Inovasi Majlis Daerah Selama	Dua kali setahun	100	100	MESYUARAT/PENBINCANGAN JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI MDS : 3) PENBINCANGAN BIL 1/2017 - 26/03/2017 2) PENBINCANGAN BIL 2/2017 - 28/03/2017

## LAPORAN TAHUNAN UNIT UNDANG-UNDANG

### LAPORAN PENYEDIAAN DAN SEMAKAN PERJANJIAN

#### Penyediaan Perjanjian

Bil	Jumlah Permohonan Diterima	Jumlah Permohonan diberikan maklumbalas dalam tempoh 14 hari	Jumlah Permohonan diberi maklumbalas diluar tempoh 14 hari
1.	2 Dokumen	2 Dokumen	Tiada

#### Semakan Perjanjian

Bil	Jumlah Permohonan Diterima	Jumlah Permohonan diberikan maklumbalas dalam tempoh 14 hari	Jumlah Permohonan diberi maklumbalas diluar tempoh 14 hari
1.	2 Dokumen	2 Dokumen	Tiada

### LAPORAN ADUAN UNIT UNDANG-UNDANG MDS 2017

Bil	Jumlah Aduan diterima	Jumlah Aduan diambil tindakan dalam tempoh 14 hari	Jumlah Aduan diambil tindakan diluar tempoh 14 hari
1.	14 Aduan	12 Aduan	2 Aduan

### LAPORAN PRESTASI TINDAKAN KUTIPAN TUNGGAKAN

#### CUKAI TAKSIRAN AM (CTA) MELALUI PANEL PEGUAM MDS 2017

Bil	PERKARA	BIL AKAUN	AMAUN	PERATUS %
1.	Arahan majlis untuk mengutip tunggakan cukai taksiran	45	RM 40,513.37	100%
2.	Jumlah keseluruhan yang berjaya dikutip	12	RM 9,687.04	23.9%
3.	Jumlah keseluruhan tarikh balik/ dibatalkan	0	RM -	0.0%
	Jumlah keseluruhan baki yang belum dikutip	33	RM 30,826.33	76.1%

#### BUTIR- BUTIR JUMLAH KESELURUHAN YANG BERJAYA DIKUTIP

Bil	PERKARA	BIL AKAUN	AMAUN	PERATUS %
1	KUTIPAN MELALUI LOD :-	10	RM 4, 981. 45	12.3%
	Bayaran penuh tunggakan sahaja	4	RM 3,092.85	7.6%
	Bayaran secara ansuran	6	RM 1,888.60	4.7%
2	KUTIPAN MELALUI WRIT :-	2	RM 4,705.59	11.6%
	Bayaran Penuh (Selesai)	2	RM 4,705.59	11.6%

**BUTIR- BUTIR JUMLAH KESELURUHAN YANG BERJAYA DIKUTIP**

Bil	PERKARA	BIL AKAUN	AMAUN	PERATUS %
1	KUTIPAN MELALUI LOD :-	10	RM 4, 981. 45	12.3%
	Bayaran penuh tunggakan sahaja	4	RM 3,092.85	7.6%
	Bayaran secara ansuran	6	RM 1,888.60	4.7%
2	KUTIPAN MELALUI WRIT :-	2	RM 4,705.59	11.6%
	Bayaran Penuh (Selesai)	2	RM 4,705.59	11.6%

Bil	PERKARA	BIL AKAUN	AMAUN	PERATUS %
1	PERINGKAT LOD :-	29	RM 25, 924. 79	64.0%
	Baki bayaran ansur yang belum dibayar oleh pembayar cukai	-	(RM 2,431.04)	6.0%
	LOD dikembalikan ( sudah pindah & tiada alamat	6	RM 6,048.20	14.1%
	Arahan MDS tidak diteruskan tindakan writ terhadap amaun tunggakan kurang RM1,000.00 ( status LOD- tiadarespon/ bayaran dari pembayar cukai	23	RM 17, 445.55	43.1%
2	PERINGKAT WRIT :-			
	Penghakiman ingkar telah direkod	4	RM 4,901.54	12.1%
	* tunggu perakuan ketidakhadiran bermeterai serta deraf penghakiman diluluskan dari mahkamah			


**LAPORAN PENURUNAN KUASA MDS 2017**

Bil	Jumlah Permohonan Diluluskan	Jumlah Permohonan Diluluskan	Jumlah Permohonan ditolak
1	39 Permohonan	39 permohonan lulus	Tiada

## UNIT INTEGRITI

Bil	Perkara	Tarikh
1.	Mesyuarat JITU BIL.1/2017	09/03/2017
2.	Mesyuarat JITU BIL.2/2017	22/06/2017
3.	Mesyuarat JITU BIL.3/2017	21/12/2017
4.	Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bersama SPRM Negeri Perak	30/10/2017

### LAPORAN TINDAKAN TATATERTIB KE ATAS KAKITANGAN MDS 2017



### MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)



Kesalahan kes tatatertib Bagi kakitangan Majlis Daerah Selama sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2017 dengan pelbagai kesalahan.


TAHUN	BILANGAN
2016	1 Pekerja
2017	2 Pekerja

### LAPORAN TAHUNAN UNIT PENGUATKUASA MDS 2017


#### LAPORAN PRESTASI PENGELUARAN DAN KUTIPAN KOMPAUN MAJLIS DAERAH SELAMA (MDS) BAGI TAHUN 2017

DAFTAR REKOD TAWARAN KOMPAUN BAGI TAHUN 2017											
BIL	BULAN	KOMPAUN KEBELURUHAN		KOMPAUN BERBAYAR				KOMPAUN TIDAK BERBAYAR		KOMPAUN BATAL	
		BIL.	NTAI (RM)	BIL.	NTAI KOMPAUN (RM)	NTAI PENGURANGAN (RM)	NTAI JELAS (RM)	BIL.	NTAI (RM)	BIL.	NTAI (RM)
1	JAN	1	RM 100.00	1	RM 100.00	RM 50.00	RM 50.00	0	RM	0	RM
2	FEB	5	RM 950.00	4	RM 700.00	RM 350.00	RM 350.00	1	RM 250.00	0	RM -
3	MAC	6	RM 750.00	4	RM 400.00	RM 200.00	RM 200.00	2	RM 350.00	0	RM -
4	APRIL	61	RM 14,500.00	21	RM 4,800.00	RM 2,287.50	RM 2,512.50	40	RM 9,700.00	3	RM 600.00
5	MEI	2	RM 500.00	2	RM 500.00	RM 125.00	RM 375.00	0	RM -	0	RM -
6	JUN	0	RM -	0	RM -	RM -	RM -	0	RM -	0	RM -
7	JULAI	11	RM 2,300.00	10	RM 2,200.00	RM 1,100.00	RM 1,100.00	1	RM 100.00	0	RM -
8	OGOS	3	RM 750.00	3	RM 750.00	RM 425.00	RM 325.00	0	RM -	0	RM -
9	SEP	3	RM 2,230.00	2	RM 2,000.00	RM 1,400.00	RM 600.00	1	RM 230.00	0	RM -
10	OCT	0	RM -	0	RM -	RM -	RM -	0	RM -	0	RM -
11	NOV	3	RM 2,250.00	2	RM 2,000.00	RM 1,000.00	RM 1,000.00	1	RM 250.00	0	RM -
12	DIS	1	RM 250.00	0	RM -	RM -	RM -	1	RM 250.00	0	RM -
<b>JUMLAH</b>		<b>96</b>	<b>RM 24,600.00</b>	<b>49</b>	<b>RM 13,450.00</b>	<b>RM 6,937.50</b>	<b>RM 6,512.50</b>	<b>41</b>	<b>RM 10,550.00</b>	<b>3</b>	<b>RM 600.00</b>

**PRESTASI PENGELUARAN KOMPAUN MAJLIS DAERAH SELAMA (MDS) MENGIKUT BULAN BAGI TAHUN 2017**



**PRESTASI KUTIPAN KOMPAUN MAJLIS DAERAH SELAMA (MDS) MENGIKUT BULAN BAGI TAHUN 2017**






**LAPORAN OPERASI PENGUATKUASAAN KEATAS HAIWAN MERAYAU  
DAN ANJING LIAR TAHUN 2016 HINGGA 2017**

TAHUN	OPERASI	HAIWAN MERAYAU	ANJING LIAR
2016	8	1	3
2017	10	27	12



**LAPORAN PERBANDINGAN  
HASIL TANGKAPAN HAIWAN MERAYAU  
DAN ANJING LIAR MDS TAHUN 2016 HINGGA 2017**



## AKTIVITI PASUKAN PENGUATKUASA SEPANJANG TAHUN 2017

### Operasi Tangkapan Haiwan Merayau

Bil	Tarikh	Perkara
1	24-26 Januari 2017	Tangkapan 4 ekor kucing
2	27 Februari 2017	1 ekor kambing
3	10 Mac 2017	-
4	13 April 2017	-
5	17 Mei 2017	4 ekor kambing
6	8 Jun 2017	1 ekor kambing
7	18 Julai 2017	-
8	20 Julai 2017	7 ekor kambing
9	8 Ogos 2017	13 ekor kambing (jumlah tawaran)
10	18 September 2017	2 ekor kambing
11	4 dan 31 Oktober	2 ekor kambing



## Operasi Perniagaan dan Pemeriksaan Lesen Perniagaan

Pemberian notis bagi memperbaharui lesen dan lesen baharu oleh Unit Pelesenan dan Jabatan Kesihatan Awam. Hasil operasi tersebut, 57 kompaun telah diberikan kepada peniaga Pasar hari.



## Operasi Tangkapan Anjing Liar

Tarikh /Bulan	Jumlah (ekor)
10 Februari	-
20 Mac	-
13 April	5
18 Julai	1




**Operasi Menurunkan Kain Rentang / Banting Tanpa Lesen / Tamat Tempoh.**

Tarikh /bulan	Jumlah
20 Februari	10 iklan
20 Mac	18 iklan
11 April	25 iklan
3 Mei	18 iklan
4 Julai	-
3 Oktober	-
16 November	-



## Bantuan Penguatkuasa Kutipan Cukai Taksiran

Bil	Tarikh	Aktiviti
1	11 Mac 2017	Kutipan cukai bersama Jabatan Penilaian Kawasan Taman Menteri
2	30 Mac 2017	Kutipan cukai bersama Jabatan Penilaian Kawasan Taman Nesa
3	28 Julai 2017	Pengeluaran notis tuntutan (LOD) Mengikut senarai tunggakkan sewaan MDS





## Operasi Kutipan Bazaar Ramadhan

Operasi kutipan Bazar Ramadhan telah dilakukan pada 16 dan 21 Jun 2017 bagi kawasan di daerah Sungai Bayor manakala pada 19 Jun 2017 pula kutipan ini telah dijalankan di bazar sekitar Rantau Panjang




## Kawalan Perniagaan Premis

Bil	Tarikh	aktiviti
1	25 Julai 2017	Operasi penguatkuasaan tanpa premis
2	31 Julai 2017	Memohon maklumat operasi yang telah dijalankan terhadap pengendalian perniagaan makanan oleh warga asing di kawasan pihak berkuasa tempatan Perak.
3	31 Julai 2017	Notis dibawah undang-undang kecil penjaja (MDS) 1985 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (48 notis)
4	14 September 2017	Siasatan aduan mengenai tambahan premis MDS tanpa kebenaran bersama Jabatan Seni Bina
5	6 November 2017	Tindakan mengunci premis sewa di kawasan Kuala Nor
6	7 November 2017	Tindakan mengunci premis sewa di kawasan Redang Panjang



## Operasi NBOS bersama Agensi Kerajaan

Bil	Tarikh	Aktiviti
1	7 Jun 2017	Operasi NBOS bersama PDRM yang dinamakan sebagai 'operasi Barang Lusuh'
2	8 Jun 2017	Operasi haiwan merayau NBOS bersama PDRM dan Veterinar
3	15 & 16 Jun 2017	Tangkapan haiwan merayau NBOS bersama pihak veterinary & polis kawasan daerah Selama
4	17 Oktober 2017	Operasi bersama bahagian Trafik IPD Selama menyelesaikan isu-isu halangan Jalan Awam di kawasan Pasar Hari Bukit Bertam
5	23 Oktober 2017	Operasi NBOS bersama jabatan veterinar dan bahagian Trafik IPD Selama dalam menangani masalah haiwan merayau.





# **JABATAN KESIHATAN AWAM**



## JABATAN KESIHATAN AWAM



### PIAGAM PELANGGAN

- Memberi perkhidmatan mengutip sampah setiap hari (kecuali hari ahad) dan tiga kali seminggu di kawasan perumahan dan cawangan.
- Memberi perkhidmatan mencuci longkang sebulan sekali di kawasan taman perumahan.
- Memberi kelulusan lesen perniagaan/ iklan dalam tempoh serta-merta dengan syarat permohonan lengkap.
- Mengambil tindakan segera dalam tempoh 14 hari terhadap aduan dari orang ramai.
- Memberi perkhidmatan memotong rumput 2 kali sebulan.

## UNIT PELESENAN

### FUNGSI

- Memproses dan mengurus pengeluaran lesen perniagaan, penjaja dan iklan.
- Memproses dan menguruskan pengeluaran lesen dan ekspo perdagangan.
- Menyasat dan mengambil tindakan terhadap aduan berkaitan pelesenan.
- Mengurus Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan.
- Mengurus fail dan data-data Unit Pelesenan
- Menyediakan anggaran pendapatan tahunan hasil lesen.
- Memproses pembaharuan lesen perniagaan.

### OBJEKTIF

- Melaksanakan kawalan aktiviti perniagaan dengan cekap dan berkesan ke arah pertumbuhan ekonomi yang berdaya saing.
- Menentukan kebersihan, keselesaan, dan keharmonian penduduk di dalam kawasan Majlis Daerah Selama melalui perancangan kawalan peningkatan kualiti Perkhidmatan yang cekap.

**LAPORAN JUMLAH KUTIPAN LESEN TAHUN 2017**

BIL	AKTIVITI	2017/ RM
1.	PREMIS	80,550.00
2.	Iklan Banting/Banner	1,117.50
3.	Lesen Bangunan Sementara	460.00
	<b>Jumlah Kutipan Lesen</b>	<b>82,127.50</b>

**LAPORAN JUMLAH PREMIS YANG DILESENKAN TAHUN 2017**

BIL	JENIS LESEN	JUMLAH
1	REM SAWIT	14
2	BURUNG WALIT	20 PREMIS DILESENKAN 1 DALAM PROSES PEMBATALAN

## UNIT KEBERSIHAN

### FUNGSI

- Menjaga dan menyelia Kebersihan di kawasan perkhidmatan.
- Mengurus, mengawal dan menyelia kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan.
- Mengurus dan mengawal peralatan stor. Merancang dan menyelia kerja -kerja Unit Kebersihan dan Kesihatan, iaitu kerja-kerja pengurusan sisa pepejal, pemotongan rumput, pembersihan longkang, pembersihan Pusat Bandar dan tempat-tempat awam.
- Mengawal disiplin anggota perkhidmatan .
- Menyediakan anggaran belanjawan tahunan Unit Kebersihan.
- Membuat pemeriksaan kebersihan dan kesihatan terhadap premis perniagaan, perumahan dan tempat awam.
- Menyasat, menyediakan laporan dan mengambil tindakan terhadap aduan yang berkaitan.
- Menyelaras Program Kitar Semula.
- Mengurus dan menyelia kerja kontrak pemotongan rumput.
- Menjalankan kerja kawalan vektor.
- Menyelaras aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan bersama penduduk.

